

27/01/1997

(Universiti Kebangsaan Malaysia)

28 Januari - Majlis perasmian program baru Diploma Siswazah Kesihatan Pekerjaan anjuran Pusat Kembangan dengan kerjasama Fakulti Perubatan UKM dengan pengambilan pertama seramai 23 pelajar di Bilik Seminar, Jabatan Kesihatan Masyarakat (JKM), Tingkat 5, Fakulti Perubatan UKM, Kuala Lumpur.

28 Januari - Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Istimewa daripada Pusat Pemulihan Cheras dan penyerahan cek Tabung Kemanusiaan Ribut Greg anjuran Persatuan Mahasiswa UKM akan diadakan di Dewan Canselor Tun Ab Razak, UKM Bangi. Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Sham Sani dijangka hadir menyerahkan sumbangan itu.

22 - 23 Februari - Konvensyen Melayu Dalam Pembangunan anjuran Forum Kebangsaan Malaysia akan diadakan di Kampus Induk, UKM Bangi. Majlis perasmian konvensyen itu dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

22 Februari - Syarahan Perdana Sempena Penerimaan Lantikan Penerimaan Jawatan Profesor bertajuk Jangkitan Cacing dan Kesihatan Kanak-Kanak di Malaysia oleh Pensyarah Jabatan Parasitologi dan Etomologi Perubatan, Fakulti Perubatan UKM, Prof Dr Pakeer Oothman di Dewan Kuliah, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur.

(END)